

Newspaper
Date

Berita Harian
20 March 2016

'Dr M tak layak lagi beri pandangan'

BH - 20/3/2016

» Ahli minta bekas PM tidak campuri urusan mesyuarat

Oleh Nazura Ngah dan Nora Mahpar
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur

Ketua-ketua cawangan UMNO semalam menolak surat terbuka Tun Dr Mahathir Mohamad yang meminta ahli cawangan parti itu membantunya menyelamatkan parti dan negara jika sayangkan perjuangan asal parti.

Sebaliknya, pemimpin parti di peringkat akar umbi itu meminta bekas Perdana Menteri tidak mencampuri urusan mesyuarat parti peringkat cawangan yang bermula kelmarin.

Mereka menegaskan Dr Mahathir tidak layak memberikan pandangan atau cadangan kepada ahli pada peringkat cawangan selepas mengisytiharkan keluar daripada UMNO pada 29 Februari lalu.

Ketua UMNO Cawangan Flat Kampung Sireh, Kota Bharu, Mohd Ropi Mohamed, berkata Dr Mahathir perlu dihalang daripada terus 'mengapi-apikan' ahli di peringkat akar umbi dengan sen-



Ketua UMNO Bahagian Kepong, Datuk Seri Rizuan Abd Hamid (tengah) dan Shahrizat bersama ahli cawangan menyatakan sokongan terhadap Najib di Segambut, semalam. (FOTO MOHAMAD SHAHRIL BADRI SAALI/BH)

timen politik sempit demi kepentingan peribadi.

Tindakan itu, katanya, hanya menyerlahkan perwatakan sebenar bekas tokoh UMNO terabit yang mahu memastikan kelangsungan kerjaya politik anaknya, Datuk Seri Mukhriz Mahathir.

"Ahli peringkat akar umbi hanya akur dengan arahan Presiden dan Majlis Tertinggi (MT), bukan orang luar seperti Dr Mahathir," katanya ketika dihubungi, semalam.

Menerusi entri blog *chedet* bertajuk 'Surat Kepada Ahli-Ahli Cawangan UMNO' yang dimuat naik kelmarin, antara lain Dr Mahathir meminta ahli UMNO yang sayangkan perjuangan asal parti itu membantunya menyelamatkan parti dan negara.

Dr Mahathir juga meminta usul undi tidak percaya terhadap Datuk Seri Najib Razak sebagai Presiden parti dan Perdana Menteri dibuat pada mesyuarat UMNO cawangan, selain usul supaya pe-

milihan parti tidak ditangguhkan.

Bukan lagi ahli UMNO

Sementara itu, Ketua UMNO Cawangan Kampung Parit Selangor, Tanjung Piai, Johor, Datuk Nasir Safar, berkata Dr Mahathir tidak berhak menyentuh urusan dalam parti kerana pemimpin itu bukan lagi ahli parti.

Beliau berkata, pendirian dan pemikiran ahli cawangan berpandukan kepada kepentingan parti,

bukan kepentingan pemimpin tertentu yang mempunyai agenda tersembunyi.

"Dr Mahathir tidak berhak campur tangan dan ahli peringkat cawangan seharusnya menolak politik berkepentingan yang cuba diserap ke pemikiran mereka," katanya.

Sementara itu, Wanita UMNO menyifatkan tindakan Dr Mahathir mengeluarkan surat terbuka mendesak ahli UMNO mengemukakan usul undi tidak percaya kepada kepemimpinan Najib sebagai tindakan tenat.

Ketuanya, Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil yang juga Ketua Wanita UMNO Bahagian Kepong, berkata dari peringkat awal setiap tindakan bekas Perdana Menteri itu tidak mendapat sokongan ahli akar umbi menyebabkan Dr Mahathir berterusan menyerang peribadi Perdana Menteri.

"Surat terbuka itu jelas mencerminkan beliau tidak mendapat sokongan majoriti parti. Maklum balas daripada wanita UMNO seluruh negara juga menolak tindakannya yang sanggup bersekolong dengan pembangkang demi menayakan matlamat politik peribadi.

"Ketika Mahathir duduk semeja dengan seterusnya maka ahli UMNO tidak dapat terima. Jadi, saya nampak surat terbuka itu menunjukkan keadaan dia amat tenat," katanya pada sidang media selepas Mesyuarat UMNO Cawangan Kepong Sentral, di sini.